

24 JUL 1999

Yusof-Internet

PENYEBAR MAKLUMAT PALSU DI INTERNET TIDAK BERMARUAH - YUSOF

KUALA TERENGGANU, 24 Julai (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Noor menyifatkan mereka yang menyebarkan fitnah terhadap pemimpin kerajaan di Internet sebagai tidak bermaruah dan menyebabkan rakyat semakin hilang kepercayaan terhadap mereka.

Beliau berkata, keadaan itu sangat berbeza di negara-negara barat yang mempunyai penyebar maklumat lebih bertanggungjawab dengan menyediakan latar belakang penulisnya.

Mereka yang menyebarkan fitnah melalui Internet di negara ini tidak bermaruah kerana mereka hanya pandai menuduh tetapi tidak berani tampil memperkenalkan diri, katanya kepada Bernama di sini hari ini.

"Semakin banyak fitnah disebar di Internet, akan menyebabkan rakyat semakin bosan dengan mereka," kata Yusof.

Walaupun Umno tidak menganggap ia ancaman besar kepada parti, perkara itu tetap diberikan perhatian, katanya.

Beliau berkata Umno akan terus memperkemas maklumat di laman webnya bagi menjawab pelbagai tohmahan dan fitnah terhadap kerajaan dan pemimpinnya dan sehingga kini laman web Umno mendapat sambutan sangat menggalakkan.

Ketika ditanya mengenai serangan akhbar rasmi PAS, Harakah terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan sejak akhir-akhir ini, beliau berkata Umno mempunyai pendekatan tersendiri dalam menangani masalah itu.

Beliau berkata Umno akan meningkatkan pertemuan di peringkat akar umbi bagi menjelaskan pelbagai isu yang dibangkitkan pihak pembangkang.

"Kita telah mulakan pertemuan dari hati ke hati itu...nampaknya sangat positif sekali dan ianya akan dikembangkan kepada kelompok yang lebih besar dalam sedikti masa lagi," kata beliau.

Mengenai cadangan agar Umno menerbitkan akhbar sendiri bagi menangkis serangan pembangkang terutamanya Harakah, Yusof berkata parti itu mempunyai banyak saluran untuk menyampaikan maklumat parti kepada rakyat.

Ini termasuk melalui risalah, buletin dan beberapa penerbitan lain yang menyediakan maklumat lengkap mengenai perjuangan dan misi Umno, katanya.

--BERNAMA

AYB MAI